

# Hasad dengki jejas silaturahim

**T**ugas seseorang pengintip adalah mencari rahsia atau maklumat berharga untuk disalurkan kepada pihak tertentu. Sebagai timbal balik, pengintip akan memperoleh manfaat tertentu untuk kepentingan hidupnya. Demikianlah analogi mudah yang kita boleh tempelkan kepada mereka yang suka mencari kesalahan orang lain. Sifat ini sebenarnya terhasil daripada hasad dengki yang tidak berkesudahan.

Tanda mudah untuk mengesan penyakit ini adalah seseorang itu rasa susah hati apabila melihat kesenangan dinikmati oleh orang lain sebaliknya seronok apabila melihat orang lain mendapat kesusahan.

Dalam institusi keluarga, perasaan hasad dengki mungkin boleh berlaku dalam kalangan adik beradik, ipar duai dan sebagainya. Ia akhirnya menyebabkan ikatan kekeluargaan menjadi renggang dan semakin jauh.

Pejabat atau tempat kerja juga salah satu tempat berleluasanya penyakit hasad dengki ini.

Sepatutnya, dalam hal ini, kita perlu melihat kejayaan orang lain sebagai pemangkin untuk kita tingkatkan usaha dan prestasi bagi bersaing secara sihat.